

14 OCT 1997

AEM: MENTERI LUAR/EKONOMI ASEAN NAK SIAP SEDIA UTK SIDANG PUNCAK TAK FORMAL

PETALING JAYA, 14 Okt (Bernama) -- Para menteri luar dan menteri ekonomi Asean akan bertemu Jumaat ini untuk mempersiapkan agenda bagi sidang puncak tidak rasmi kali kedua yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 4 Disember.

Seorang pegawai perdagangan Asean hari ini berkata sebuah jawatankuasa bersama yang akan dipengerusikan oleh setiausaha agung Asean Datuk Ajit Singh, akan memuktamadkan isu-isu yang mungkin akan dibincangkan oleh kesembilan pemimpin negara-negara Asean bila mereka bertemu di Mines Resort.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tuan rumah kepada rakan-rakan sejawatannya dari lapan negara Asean yang lain pada sidang puncak itu yang dijangka akan menimbang, antara lain, kesan ke atas spekulasi mata wang terhadap ekonomi serantau.

Sidang puncak tidak rasmi itu, yang diadakan pertama kalinya di Jakarta tahun lepas, diadakan atas keperluan bagi para pemimpin Asia Tenggara untuk bertemu lebih kerap dan tidak hanya melalui mesyuarat setiap tiga tahun sekali.

Ini diputuskan pada sidang puncak Bangkok dalam 1995, di mana para pemimpin membuat keputusan untuk mempercepatkan penyatuan serantau membabitkan semua bidang dan memasukkan anggota baru dan ini menghendaki lebih banyak pertemuan di peringkat tertinggi, tambah pegawai itu. --

BERNAMA

MR SIA